

**PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI, 1959
(Perintah di-bawah Bab 83)**

**Perintah Dzarurat
(Penchehagan Rasuah), 1981**

Pada menjalankan kuasa2 yang di-berikan oleh Cheraian (3) dari Bab 83 Perlembagaan Negeri Brunei, 1959, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah membuat perintah yang berikut: —

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Gelaran pendek dan permulaan.

1. Perintah ini boleh di-gelar sebagai Perintah Dzarurat (Penchehagan Rasuah), 1981, dan akan berjalan kuatkuasa-nya pada 1 haribulan January, 1982.

Tafsiran.

2. Di-dalam Perintah ini, kechuali jika maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang lain —

“ejen” berma'ana sesiapa jua yang di-ambil berkerja oleh atau yang bertindak bagi pehak orang lain, dan termasuk sa-sa-orang pemegang amanah, pentadbir dan wasi, dan sa-sa-orang yang berkhidmat di-bawah mana2 badan awam, dan bagi maksud2 bab 26 termasuk-lah sa-sa-orang pemborong kechil dan sesiapa jua yang di-ambil berkerja oleh atau yang bertindak bagi pehak pemborong kechil itu;

“Biro” berma'ana Biro Menchehagah Rasuah;

“Pengaruh” berma'ana Pengarah Biro Menchehagah Rasuah;

“suapan” termasuk —

(a) wang atau apa jua pemberian, pinjaman, upah, ganjaran, chagaran

- berharga atau harta-benda lain atau kepentingan dalam harta-benda jenis apa pun jua, sama ada boleh di-gerak atau tidak boleh di-gerak;
- (b) apa2 jawatan, kehormatan, pekerjaan, kontrek atau perkhidmatan2, dan apa jua perjanjian untok memberi pekerjaan atau memberi khidmat2 dalam apa jua bidang;
 - (c) sebarang pembayaran, pembebasan, penjelasan atau penyelesaian apa jua pinjaman, tanggongjawab atau apa pun jua tanggongan lain, sama ada keselurohan-nya atau sabahagian-nya;
 - (d) sebarang balasan yang berharga jenis apa pun jua, sebarang potongan harga, komisen, pengurangan, bonos, penolakan atau habuan;
 - (e) apa jua penahanan diri dari menuntut sebarang wang atau nilai wang atau barang berharga;
 - (f) sebarang bantuan, sokongan, persetujuan atau pengaruh, atau bantuan, sokongan, persetujuan atau pengaruh yang di-buat2, dan sebarang janji bagi atau perolehan, atau persetujuan atau perchubaan untok memperolehi, atau memberikan sebarang harapan akan memperolehi, sebarang pemberian, pinjaman, upah, ganjaran, balasan atau suapan dalam bidang ma'ana perenggan ini;
 - (g) apa jua layanan, pertolongan atau faedah jenis apa pun jua, termasuk

perlindungan dari sebarang hukuman atau kehilangan keupayaan yang di-lakukan atau di-takuti atau dari sebarang tindakan atau pembicharaan jenis yang mengenai tatatertib atau hukuman, sama ada sudah atau belum di-mulakan, dan termasuk menjalankan atau menahan diri dari menjalankan sebarang hak atau sebarang kuasa atau kewajipan resmi; dan

- (h) apa jua tawaran, jaminan atau janji bagi sebarang suapan dalam bidang ma'ana perenggan2 (a) hingga (g);

“Pegawai Biro” termasuk-lah Pengarah, Timbalan Pengarah, saorang Penolong Pengarah, saorang Ketua Penyiasat Khas, Penyiasat Khas Kanan dan Penyiasat Khas;

“kesalahan yang di-tetapkan” berma'ana sesuatu kesalahan yang boleh di-hukum di-bawah bab 161, 162, 163, 164, 165, 213, 214 atau 215 dari Undang2 Hukuman Jenayah (Penal Code) atau bab 128 dari Undang2 Kastam 1954 dan termasuk —

- (a) sesuatu perchubaaan untok melakukan mana2 kesalahan sademikian;
- (b) sesuatu persubahatan atau sesuatu pakatan jahat ala jenayah untok melakukan (sebagaimana yang perkataan2 itu di-tafsirkan dalam Undang2 Hukuman Jenayah (Penal Code)) mana2 kesalahan sademikian, sama ada atau tidak kesalahan itu di-lakukan akibat-nya;

“orang yang utama” termasuk-lah mana2 majikan, sa-saorang waris di-bawah

sasuat² amanah, dan apa jua harta-pesaka amanah (sa-olah² ia-nya orang), sesiapa jua yang berkepentingan mendapatkan faedah dalam harta-pesaka sa-saorang yang telah mati (sa-olah² ia-nya orang) dan, berkenaan dengan mana² orang yang berkhidmat di-bawah sa-sabuah badan awam, badan awam itu;

“badan awam” termasuk-lah —

- (a) Kerajaan Brunei;
- (b) mana² jabatan, perkhidmatan atau perusahaan Kerajaan Brunei;
- (c) mana² perbadanan, majlis, lembaga, surohanjaya² atau badan lain yang mempunyai kuasa untuk bertindak di-bawah dan bagi maksud sebarang undang² bertulis yang berkuatkuasa di-Brunei atau mana² bahagian daripada-nya berhubung dengan Kerajaan tempatan, kesehatan awam atau perusahaan² bagi kemudahan awam, atau dengan chara lain mempunyai kuasa untuk mentadbir wang fund kepunyaan Kerajaan, atau wang yang diperolehi dengan jalan chukai² atau pengenaan² bayaran menurut sebarang undang² bertulis yang berkuat-kuasa di-Brunei;
- (d) mana² lembaga, surohanjaya, jawatankuasa atau badan lain yang dinyatakan dalam Jadual.

“pegawai awam” termasuk sesiapa jua yang berkerja dengan sa-sabuah badan awam.

BAHAGIAN II PERTADBIRAN

Lantikan
Pengarah dan
pegawai2.

3. (1) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantek saorang Pengarah siapa terta'alok kepada perentah2 dan kawalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ada-lah bertanggungjawab bagi arahan dan pertadbiran Biro.

(2) Pengarah tidak-lah terta'alok kepada arahan atau kawalan sesiapa pun jua selain dari Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantek saorang Timbalan Pengarah Biro, saorang Penolong Pengarah, saorang Ketua Penyiasat Khas, Penyiasat2 Khas Kanan dan beberapa Pegawai lain Biro Menchegah Rasuah yang Baginda mungkin menganggap patut.

(4) Jika jawatan Pengarah kosong atau Pengarah tidak hadir bertugas, maka Timbalan Pengarah hendak-lah kechuali jika Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengarahkan sebalek-nya, bertindak sebagai Pengarah.

(5) Jika kedua2 Pengarah dan Timbalan Pengarah tidak hadir bertugas, maka Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantek orang lain untuk bertindak sebagai Pengarah semasa ketiadaan itu.

Pegawai2 Biro
hendak-lah di-
anggap sebagai
pegawai2
Kerajaan.

4. (1) Semua pegawai Biro Menchegah Rasuah hendak-lah di-anggap sebagai pegawai2 kerajaan dalam bidang ma'ana Undang2 Hukuman Jenayah (Penal Code).

(2) Satu surat akuan perlantekan yang di-tandatanganinya oleh Pengarah hendaklah di-bekalkan kepada tiap2 pegawai Biro Menchegegah Rasuah dan ada-lah menjadi bukti keterangan terhadap perlantekan-nya di-bawah Perintah ini.

BAHAGIAN III KESALAHAN2

Hukuman bagi
Rasuah.

5. Sesiapa pun jua yang dengan sendiri-nya atau oleh atau bersama2 dengan mana2 orang lain —

- (a) memujok atau menerima atau bersetuju menerima bagi diri-nya sendiri atau bagi mana2 orang lain; atau
- (b) memberi, berjanji atau menawarkan kepada sesiapa pun jua sama ada bagi faedah orang itu atau orang lain,

apa jua suapan sebagai satu dorongan kepada atau ganjaran bagi, atau dengan jalan lain kerana —

- (i) sesiapa pun jua yang melakukan atau menahan diri dari melakukan sesuatu berthabit dengan sesuatu perkara atau urusan apa pun jua, yang sabenar-nya atau di-chadangkan atau mungkin akan berlaku;
- (ii) mana2 ahli, pegawai, atau pekerja sa-sabuah badan awam yang melakukan atau menahan diri dari melakukan sesuatu berthabit dengan sesuatu perkara atau urusan apa pun jua, yang sabenar-nya atau di-chadangkan atau mungkin akan berlaku, dalam mana badan awam itu bersangkutan-paut,

ada-lah bersalah dan boleh, jika di-dapati thabit kesalahan-nya, di-kenakan hukum denda yang tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau hukuman penjara selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi tujuh tahun atau kedua2 hukuman.

Hukuman bagi
urusan2 tak jujur
dengan ejen2.

6. Jika —

- (a) mana2 ejen menerima atau memperolehi atau bersetuju menerima atau chuba memperolehi, daripada sesiapa pun jua, bagi diri-nya sendiri atau bagi mana2 orang lain sebarang suapan sebagai dorongan atau ganjaran kerana melakukan atau menahan diri dari melakukan, atau kerana telah melakukan, atau menahan diri dari melakukan, apa jua perbuatan berhubung dengan hal2 atau urusan orang yang utama-nya, atau kerana memberi atau menahan diri dari memberi atau tidak memberi pertolongan kepada sesiapa pun jua berhubung dengan hal2 atau urusan orang yang utama-nya;
- (b) Sesiapa jua memberi atau bersetuju memberi atau menawarkan sebarang suapan kepada mana2 ejen sebagai dorongan atau ganjaran kerana melakukan atau menahan diri dari melakukan, atau kerana telah melakukan atau menahan diri dari melakukan apa jua perbuatan berhubung dengan hal2 atau urusan orang yang utama-nya, atau kerana memberi atau menahan diri dari memberi atau tidak memberi pertolongan kepada sesiapa pun jua berhubung dengan hal2 atau urusan orang yang utama-nya; atau
- (c) sesiapa jua dengan setahu-nya memberi kepada sa-saorang ejen, atau jika sa-

saorang ejen dengan setahu-nya menggunakan dengan tujuan untuk menipu orang yang utama-nya, sebarang resit, kira2 atau dokumen lain berthabit dengan mana orang yang utama itu mempunyai kepentingan, dan yang mengandongi sebarang kenyataan yang tidak benar atau salah atau tidak sempurna dalam mana2 perkara mustahak, dan yang pada pengetahuannya ada-lah di-maksudkan untuk mengelirukan orang yang utama itu,

maka ia ada-lah bersalah dan boleh, jika di-dapati thabit kesalahan-nya, di-kenakan hukuman denda yang tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau hukuman penjara selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi tujuh tahun atau kedua2 hukuman.

Tambahan bagi hukuman maksima dalam perkara2 tertentu.

7. Sa-saorang yang di-dapati thabit kesalahan-nya melakukan sesuatu kesalahan di-bawah bab 5 atau 6 boleh, jika perkara atau urusan berhubung dengan mana kesalahan itu telah di-lakukan ialah satu kontrek atau chadangan bagi sesuatu kontrek dengan mana2 badan awam, atau sesuatu kontrek kecil untuk melaksanakan kerja yang terkandung dalam kontrek sademikian, di-kenakan hukuman denda yang tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau hukuman penjara selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi sa-puluh tahun atau kedua2 hukuman.

Penerima suapan akan bersalah walaupun tujuan tidak di-laksanakan, dsb.

8. (1) Jika dalam sesuatu pembicharaan terhadap mana2 ejen kerana apa jua kesalahan di-bawah bab 6(a) ada-lah di-buktikan bahawa ia telah menerima, memperolehi atau bersetuju menerima atau chuba memperolehi sebarang suapan dengan mempunyai sebab untuk memperchayai atau mengshakki bahawa suapan itu telah di-tawarkan sebagai dorongan atau ganjaran kerana melakukan atau menahan diri dari melakukan apa2 perbuatan atau kerana

memberi atau menahan diri dari memberi atau tidak memberi sebarang pertolongan kepada sesiapa jua berhubung dengan hal2 atau urusan orang yang utama-nya maka ia ada-lah bersalah di-bawah bab itu walaupun ia tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk melakukan, memberi atau menahan diri demikian atau bahawa ia telah menerima suapan itu dengan tidak bermaksud melakukan, memberi atau menahan diri demikian atau bahawa perbuatan, memberi atau tidak memberi pertolongan itu bukan berhubung dengan hal2 atau urusan orang yang utama-nya.

(2) Jika dalam sesuatu pembicaraan terhadap sesiapa jua kerana apa jua kesalahan di-bawah bab 6(b) ada-lah di-buktikan bahawa ia telah memberi, bersetuju memberi atau menawarkan sebarang suapan kepada mana2 ejen sebagai dorongan atau ganjaran kerana melakukan atau menahan diri dari melakukan apa2 perbuatan atau kerana memberi atau menahan diri dari memberi atau tidak memberi pertolongan kepada sesiapa jua dengan mempunyai sebab untuk memperchayai atau mengshakki bahawa ejen itu mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk melakukan, memberi atau menahan diri demikian dan bahawa perbuatan, memberi atau tidak memberi pertolongan itu ada-lah berhubung dengan hal2 atau urusan orang yang utama-nya maka ia ada-lah bersalah di-bawah bab itu walaupun ejen itu tidak mempunyai sebarang kuasa, hak atau peluang atau bahawa perbuatan, memberi atau tidak memberi pertolongan itu bukan berhubung dengan hal2 atau urusan orang yang utama-nya.

Menyebabkan penarekan balek tawaran2 (tenders) dengan sechara tak jujur.

9. Sa-saorang —

- (a) yang, dengan tujuan untuk memperolehinya daripada mana2 badan awam sesuatu kontrek bagi menjalankan sebarang kerja, telah

memberikan sebarang perkhidmatan, melakukan sesuatu, atau membekalkan sebarang benda, perkakas atau bahan, menawarkan apa jua suapan kepada mana2 orang yang telah membuat sesuatu tawaran (tender) bagi kontrek itu, sebagai dorongan atau ganjaran kerana penarekan-nya balek tender itu; atau

- (b) yang memujuk atau menerima sebarang suapan sebagai dorongan atau ganjaran kerana penarekan-nya balek sesuatu tawaran (tender) yang telah di-buat bagi kontrek tersebut,

ada-lah bersalah dan boleh, jika di-dapati thabit kesalahan-nya, di-kenakan hukum denda yang tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau hukum penjara selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi tujuh tahun atau kedua2 hukuman.

Memberi rasuah
ahli majlis
mashuarat.

10. Sesiapa jua yang memberi kepada sa-saorang ahli Majlis Mashuarat Negeri, Majlis Mashuarat Mentri2 atau Majlis Mashuarat Di-Raja, atau, selaku saorang ahli bagi salah satu dari Majlis2 tersebut meminta atau menerima, sebarang suapan sebagai dorongan atau ganjaran kerana melakukan atau menahan diri dari melakukan sebarang perbuatan atau kerana memberi atau tidak memberi atau menahan diri dari memberi pertolongan dalam kedudukan-nya selaku ahli, ada-lah, walaupun ahli itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untok melakukan, memberi atau menahan diri demikian, atau bahawa ia sabenar-nya telah tidak melakukan, memberi atau menahan diri demikian, atau bahawa dorongan atau ganjaran itu bukan berhubung dengan hal2 Majlis Mashuarat Negeri, Majlis Mashuarat Mentri2 atau Majlis Mashuarat

Di-Raja, yang mana satu berkenaan, bersalah dan boleh, jika di-dapati thabit kesalahan-nya, dikenakan hukum denda yang tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau hukum penjara yang tidak melebihi tujuh tahun atau kedua2 hukuman.

Memberi rasuah kepada ahli badan awam.

11. Sesiapa jua yang memberi kepada sa-saorang ahli mana2 badan awam, atau selaku saorang ahli bagi mana2 badan awam meminta atau menerima sebarang suapan sebagai dorongan atau ganjaran kerana —

- (a) ahli itu mengundi atau mengechualikan diri dari mengundi di-mana2 mashuarat badan awam itu untok menyokong atau menentang apa jua langkah, ketetapan atau masa'alah yang di-kemukakan kepada badan awam itu;
- (b) ahli itu melaksanakan, atau menahan diri dari melaksanakan, atau membantu pada mendapatkan mempercepatkan, melambatkan, menghalang atau mencheгах pelaksanaan, apa jua tindakan rasmi;
- (c) ahli itu membantu pada mendapatkan atau menghalang di-luluskan sebarang undi atau pemberian sebarang kontrek atau peluang bagi pehak mana2 orang; atau
- (d) ahli itu memberi atau tidak memberi atau menahan diri dari memberi sokongan dalam kedudukan-nya selaku saorang ahli,

ada-lah walaupun ahli itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untok melakukan, memberi atau menahan diri demikian, atau bahawa dorongan atau ganjaran itu bukan

berhubung dengan hal2 badan awam itu, bersalah dan boleh, jika di-dapati thabit kesalahan-nya, dikenakan hukum denda yang tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau hukum penjara selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi tujuh tahun atau kedua2 hukuman.

Pemilikan harta-benda yang tidak di-terangkan.

12. (1) Sesiapa jua, yang menjadi atau telah menjadi pegawai awam yang —

- (a) menyara taraf hidup yang melebihi taraf hidup yang sepadan dengan pendapatan2-nya yang sekarang atau yang lampau; atau
- (b) menguasai kekayaan kewangan atau harta-benda yang tidak satimbal dengan pendapatan2-nya yang sekarang atau yang lampau,

ada-lah, melainkan ia memberikan keterangan yang memuaskan kepada mahkamah tentang bagaimana ia mampu menyara taraf hidup sademikian atau bagaimana kekayaan kewangan atau harta-benda berada di-bawah kuasa-nya, bersalah dan boleh, jika di-dapati thabit kesalahan-nya, dikenakan hukum denda yang tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau hukum penjara selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi tujuh tahun atau kedua2 hukuman.

(2) Selain dari apa jua hukuman yang dikenakan di-bawah cheraian (1) mahkamah boleh memerentahkan sa-saorang yang telah di-thabitkan kesalahan-nya di-bawah cheraian (1) supaya membayar kepada Kerajaan —

- (a) sa-jumlah wang yang tidak melebihi jumlah kekayaan kewangan tersebut; atau
- (b) sa-jumlah wang yang tidak melebihi nilai harga harta-benda;

yang perolehan-nya oleh-nya telah tidak diterangkan dengan memuaskan mahkamah dan apa jua jumlah wang yang di-perentahkan supaya di-bayar demikian hendak-lah di-dapati balek sebagai suatu denda.

(3) Jika sa-sabuah mahkamah berpuas hati dalam perbicharaan terhadap sesuatu kesalahan di-bawah cheraian (1) bahawa, memandangkan kapada kerapatan perhubungan-nya dengan yang di-tudoh dan hal2 lain yang berkaitan, ada sebab untuk memperchayai bahawa mana2 orang telah memegang kekayaan kewangan atau harta-benda sebagai amanah kerana atau pun bagi pehak yang di-tudoh, atau telah memperolehi kekayaan kewangan atau harta-benda sademikian sebagai pemberian, atau pinjaman tanpa bayaran yang menchukopi daripada yang di-tudoh, maka kekayaan kewangan atau harta-benda sademikian hendak-lah sahingga sebalek-nya di-buktikan, di-anggap telah berada di-bawah kawalan atau dalam milek yang di-tudoh.

(4) Di-dalam sebarang perbicharaan terhadap sa-saorang kerana sesuatu kesalahan di-bawah cheraian (1) sesuatu surat akuan yang di-katakan —

(a) mengesahkan —

(i) kadar, dan jumlah banyak-nya pendapatan2 serta elaun2 selain dari pendapatan2, yang di-bayar kapada mana2 pegawai awam yang berkerja sechara tetap atau sementara dengan Kerajaan Brunei berhubong dengan pelaksanaan oleh-nya akan tugas2-nya selaku saorang pegawai awam;

(ii) bahawa mana2 orang telah atau telah tidak berkhidmat pada

sasuatu ketika tertentu dalam sasuatu tempoh tertentu sebagai saorang pegawai awam yang berkerja sechara tetap atau sementara dengan Kerajaan Brunei atau tidak lagi menjadi pegawai sademikian pada atau sabelum sasuatu ketika tertentu;

(iii) bahawa sa-saorang pegawai awam telah memegang atau telah tidak memegang pada sasuatu ketika tertentu sebarang jawatan tertentu dalam Kerajaan Brunei; dan

(b) telah di-tanda-tangani oleh Setiausaha Kerajaan;

hendak-lah di-terima dalam perbicharaan sademikian oleh mana2 mahkamah manakala di-kemukakan-nya tanpa bukti selanjut-nya.

(5) Manakala di-kemukakan sasuatu surat akuan di-bawah cheraian (4) maka mahkamah di-hadapan mana ia-nya di-kemukakan hendak-lah sahingga sebaiek-nya di-buktikan, menganggap —

- (a) bahawa hal2 yang di-nyatakan di-dalam nya ada-lah benar; dan
- (b) bahawa surat akuan itu telah di-tanda-tangani oleh Setiausaha Kerajaan.

(6) Di-dalam bab ini —

“pegawai awam” termasuk sa-saorang ahli dari Pasokan Polis Di-Raja Brunei, Ashkar Melayu Di-Raja Brunei, dan mana2 pasokan bersenjata Negeri dan termasuk sa-saorang yang telah menjadi pegawai awam atau yang telah bersara sebagai pegawai awam sebaik sahaja sa-belum mula berjalan-nya kuatkuasa Perintah ini:

“pendapatan2” termasuk-lah penchen atau baksis yang boleh di-bayar di-bawah Undang2 Penchen, 1957.

Menyubahati
kesalahan2.

13. Siapa sahaja yang menyubahati, dalam bidang ma'ana Undang2 Hukuman Jenayah (Penal Code) —

- (a) dalam melakukan sesuatu kesalahan di-bawah Perintah ini; atau
- (b) dalam melakukan di-luar Brunei apa jua perbuatan, berhubong dengan hal2 atau urusan atau bagi pehak orang yang utama yang diam di-Brunei, yang mana jika di-lakukan di-Brunei akan menjadi satu kesalahan di-bawah Perintah ini,

ada-lah di-anggap telah melakukan kesalahan itu dan boleh jika di-dapati thabit kesalahan-nya di-hukum dengan hukuman yang di-peruntokkan bagi kesalahan sademikian.

Perchubaaan2.

14. Siapa sahaja yang menchuba melakukan sesuatu kesalahan yang boleh di-kenakan hukuman di-bawah Perintah ini ada-lah di-anggap telah melakukan kesalahan itu dan boleh jika di-dapati thabit kesalahan-nya di-hukum dengan hukuman yang di-peruntokkan bagi kesalahan sademikian.

Pakatjahat.

15. Siapa sahaja yang mengambil bahagian dalam sesuatu pakatjahat jenayah, dalam bidang ma'ana Undang2 Hukuman Jenayah (Penal Code), untok melakukan sesuatu kesalahan di-bawah Perintah ini ada-lah di-anggap telah melakukan kesalahan itu dan boleh jika di-dapati thabit kesalahan-nya di-hukum dengan hukuman yang di-peruntokkan bagi kesalahan sademikian.

Kewajipan
pegawai Kerajaan
kapada siapa sa-
suaat suapan di-
berikan atau di-
tawarkan.

16. Sa-saorang ahli bagi Majlis Mashuarat Negeri, Majlis Mashuarat Mentri2, Majlis Mashuarat Di-Raja, sa-saorang ahli bagi sa-

sabuah badan awam atau sa-saorang pegawai kerajaan kepada siapa sebarang suapan di-berikan, di-janjikan atau di-tawarkan dengan sechara tak jujur hendak-lah dengan seberapa segera yang boleh salepas itu melaporkan pemberian, janji atau tawaran, serta nama, jika di-ketahui, orang yang memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kapada-nya, kapada pegawai Biro yang berdekatan sekali; dan jika ia gagal berbuat demikian tanpa alasan yang munasabah maka ia ada-lah bersalah dan boleh, jika di-dapati thabit kesalahan-nya, di-kenakan hukuman denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit atau hukum penjara selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau kedua2 hukuman.

Bila hukuman akan di-kenakan selain dari hukuman lain.

17. Jika sa-sabuah mahkamah menthabitkan kesalahan mana2 orang kerana sesuatu kesalahan yang di-lakukan dengan penerimaan sebarang suapan yang melanggar sebarang syarat dari Perintah ini, tatkala itu, jika suapan itu ada-lah sa-jumlah wang atau jika nilai suapan itu boleh di-taksir, maka mahkamah hendak-lah, selain dari mengenakan keatas orang itu sebarang hukuman lain, memerintahkannya membayar sebagai denda, dalam jangka masa dan kapada yang berkenaan dan sechara yang di-tetapkan dalam perintah itu, sa-jumlah wang yang sa-banding dengan jumlah suapan itu atau yang mana ada-lah, pada pendapat mahkamah itu, nilai suapan itu, dan apa jua hukuman sademikian hendak-lah di-dapati kembali sebagai suatu denda.

BAHAGIAN IV KUASA2 PENYIASATAN

Kuasa2 menangkap.

18. (1) Pengarah, Timbalan Pengarah, sesiapa jua penolong pengarah, sesiapa jua ketua penyiasat khas atau sesiapa jua penyiasat khas boleh tanpa waran menangkap mana2 orang yang

telah terlibat dalam sesuatu kesalahan di-bawah Perintah ini atau terhadap siapa sesuatu aduan yang munasabah telah di-buat atau ma'alumat yang boleh di-perchayai telah di-terima atau shak yang munasabah ada terdapat yang ia telah pun terlibat demikian.

(2) Pengarah atau Timbalan Pengarah, sesiapa jua penolong pengarah, sesiapa jua ketua penyiasat khas, dan penyiasat khas kanan atau penyiasat khas yang menangkap sa-saorang di-bawah cheraian (1) dari bab ini boleh memeriksa orang itu dan mengambil milek semua barang yang di-dapati pada tuboh badan-nya yang mana ada sebab untok memperchayai ia-lah hasil dari atau keterangan2 lain bagi jenayah itu, dengan syarat bahawa tidak sa-saorang perempuan pun boleh di-periksa kechuali oleh sa-saorang perempuan.

(3) Tiap2 orang yang telah di-tangkap demikian hendak-lah di-bawa ka-Biro Menchegah Rasuah atau ka-sa-sabuah balai polis.

Kuasa2
penyiasatan.

19. Dalam apa jua hal berhubong dengan perbuatan melakukan —

- (a) sesuatu kesalahan di-bawah bab 165 atau di-bawah bab2 213 hingga 215 dari Undang2 Hukuman Jenayah (Penal Code), atau apa jua pakatjahat untok melakukan, atau sebarang perchubaan untok melakukan, atau sebarang perbuatan menyubahati sesuatu kesalahan sademikian; atau
- (b) sesuatu kesalahan di-bawah Perintah ini; atau

- (c) sebarang kesalahan yang boleh ditangkap di-bawah sebarang Undang2 bertulis yang mungkin di-tunjokkan dalam menjalankan penyiasatan di-bawah Perintah ini,

Pengarah, Timbalan Pengarah, sa-saorang penolong pengarah, sa-saorang ketua penyiasat khas, sa-saorang penyiasat khas kanan atau sa-saorang penyiasat khas boleh, tanpa perintah dari Penda'awa Raya, menjalankan semua atau mana2 dari kuasa2 khas berhubung dengan penyiasatan2 polis keatas sesuatu kesalahan yang boleh ditangkap yang di-berikan oleh Undang2 Peratoran Jenayah (Criminal Procedure Code);

Dengan syarat bahawa sesuatu penyiasatan keatas sesuatu kesalahan di-bawah Undang2 Hukuman Jenayah (Penal Code) hendak-lah dianggap sebagai satu penyiasatan polis kepada mana syarat2 bab 114 dari Undang2 Peratoran Jenayah (Criminal Procedure Code) ada-lah dikenakan dengan chara yang sama dan setakat yang sama sa-olah2 Pengarah atau Timbalan Pengarah, penolong pengarah, ketua penyiasat khas, penyiasat khas kanan atau penyiasat khas yang berkenaan ia-lah saorang pegawai polis.

Kuasa penggeledahan dan untuk mendapatkan bantuan.

20. (1) Pengarah atau Timbalan Pengarah atau sesiapa jua pegawai polis yang lebeh tinggi dari pangkat Penolong Penguasa Polis dan sesiapa jua pegawai Biro yang melakukan sesuatu penyiasatan keatas sesuatu kesalahan yang dikatakan atau di-shakki telah di-lakukan di-bawah Perintah ini atau di-bawah bab2 161 hingga 165 atau 213 hingga 215 dari Undang2 Hukuman Jenayah (Penal Code) —

- (a) boleh memohon kepada sesiapa jua Pegawai Kerajaan atau sesiapa jua orang lain bagi mendapatkan bantuan dalam menjalankan kuasa2-nya atau melak-

sanakan tugas2-nya di-bawah Perintah ini;

- (b) boleh bagi maksud2 penyiasatan sademikian, dengan persetujuan bertulis dari Penda'awa Raya dan dengan bantuan yang mungkin perlu, memasokki dan menggeledahi apa jua pejabat, pejabat pendaftar atau bilek lain bagi atau yang di-gunakan oleh sa-sabuah badan awam;

Dengan syarat bahawa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan perintah mengechualikan sebarang pejabat, pejabat pendaftar atau bilek dari di-masokki dan di-geledahi di-bawah syarat2 perenggan ini.

- (2) Sesiapa pun jua yang —

- (a) manakala di-minta di-bawah perenggan (a) dari cheraian (1) supaya memberi bantuan, tanpa alasan yang munasabah mengabaikan atau gagal untok memberikan bantuan sademikian;
- (b) menghalang atau menentang Pengarah atau Timbalan Pengarah atau sesiapa jua pegawai polis atau siapa saja pegawai Biro dalam menjalankan kuasa2 memasokki dan menggeledahi yang di-berikan oleh perenggan (b) dari cheraian (1).

ada-lah bersalah dan boleh di-kenakan jika didapati thabit kesalahan-nya hukum denda sebanyak dua puloh ribu ringgit dan hukum penjara selama satu tahun.

Kuasa2 penggeledahan dan

21. (1) Jika pada fikiran Penda'awa Raya, atau Pengarah, bahawa ada sebab yang munasabah

perampasan
selanjutnya.

untuk memperchayai bahawa dalam mana2 tempat selain dari sa-sabua pejabat, pejabat pendaftar atau bilek lain bagi atau yang di-gunakan oleh sa-sabua badan awam ada terdapat sebarang dokumen atau benda yang mempunyai sebarang bukti keterangan tentang perbuatan melakukan sesuatu kesalahan di-bawah Perintah ini atau di-bawah bab2 161 hingga 165 atau 213 hingga 215 dari Undang2 Hukuman Jenayah (Penal Code), maka Penda'awa Raya atau Pengarah boleh, dengan waran yang di-tujukan kepada siapa saja pegawai Biro atau siapa saja pegawai polis, memberi kuasa kepada pegawai Biro itu atau siapa saja pegawai polis untuk memasokki tempat itu, dengan kekerasan jika perlu, dan di-sana menggeledahi untuk mendapatkan, merampas dan menahan sebarang dokumen atau benda tersebut.

(2) Dengan tidak menyentoh sebarang undang2 lain berhubung dengan masuk dan menggeledah, kamar2 pegumbela tidak-lah terta'alok kepada kemasokan dan penggeledahan di-bawah bab ini atau sebarang waran yang di-keluarkan di-bawah bab ini kechuali semasa menjalankan penyiasatan keatas sesuatu kesalahan di-bawah Perintah ini atau di-bawah bab 161 hingga 165 atau 213 hingga 215 dari Undang2 Hukuman Jenayah (Penal Code) yang di-katakan atau di-shakki telah di-lakukan oleh peguambela itu, mengikut mana yang berkenaan, atau oleh kerani-nya atau siapa saja pekerja yang berkerja dengan-nya dalam kamar2 atau pejabat sademikian.

(3) Sesiapa pun jua yang menghalang atau menentang Pengarah atau siapa saja pegawai Biro atau siapa saja pegawai polis dalam menjalankan kuasa2 kemasokan dan penggeledahan di-bawah bab ini ada-lah bersalah dan boleh di-kenakan jika di-dapati thabit kesalahan-nya hukum denda

sebanyak dua puluh ribu ringgit dan hukum penjara selama satu tahun.

Tanggungjawab di-sisi undang2 untok memberi ma'alumat.

22. Tiap2 orang yang di-kehendakki oleh siapa saja pegawai Biro atau sa-saorang pegawai polis supaya memberikan sebarang ma'alumat mengenai apa jua perkara yang mana ada-lah menjadi kewajipan pegawai tersebut untok bertanyakan di-bawah Perintah ini atau apa jua kesalahan yang di-tetapkan dan yang mana ia-nya ada-lah dalam kuasa-nya untok memberikan, ada-lah terikat di-sisi undang2 untok memberikan ma'alumat tersebut.

Kuasa2 khas penyiasatan.

23. (1) Penda'awa Raya, jika berpuas hati bahawa ada alasan2 yang munasabah bagi mengshakki bahawa sesuatu kesalahan di-bawah Perintah ini telah di-lakukan oleh sesiapa pun jua, boleh bagi maksud2 penyiasatan keatas kesalahan sademikian, memberi kuasa sechara bertulis kepada Pengarah atau Timbalan Pengarah atau siapa saja pegawai Biro yang di-tentukan dalam pemberian kuasa sademikian, untok menjalankan kuasa2 yang berikut manakala di-kemukakan oleh-nya pemberian kuasa itu —

- (a) untok menyiasat dan memereksa apa jua akaun saham, akaun belian, akaun kelab, akaun yuran, akaun pelaburan, akaun amanah, akaun kumpulanwang bersama atau amanah, akaun perbelanjaan, akaun bank atau apa jua jenis atau rupa akaun lain, apa jua peti simpanan selamat, dan sebarang buku bank atau buku sharikat, kepunyaan atau berhubong dengan sesiapa jua yang di-namakan atau sebak-nya di-kenalkan dalam pemberian kuasa sademikian;
- (b) untok mengkehendakki daripada sesiapa jua supaya di-kemukakan apa jua akaun, buku, dokumen, peti simpanan selamat

atau barang lain kepunyaan atau berhubung dengan sesiapa jua yang dinamakan atau sebalek-nya di-kenalkan dalam surat pemberiankuasa sademikian yang mungkin di-kehendakki bagi maksud siasatan tersebut dan pemberitahuan kesemua atau apa jua ma'alumat berhubung dengan-nya, dan untok mengambil salinan2 akaun dan buku sademikian atau apa jua chatetan yang berkaitan di-dalam-nya.

(2) Tiap2 pemberiankuasa yang di-berikan di-bawah cheraian (1) ada-lah di-anggap juga memberikan kuasa kapada Pengarah, Timbalan Pengarah atau pegawai Biro yang di-tentukan di-dalam-nya untok mengkehendakki daripada sesiapa pun jua ma'alumat tentang sama ada atau tidak mana2 bank, sharikat atau tempat lain ada terdapat sebarang akaun, buku, dokumen, peti simpanan selamat atau barang lain yang boleh dikenakan penyiasatan, pemereksaan atau di-kemukakan di-bawah pemberiankuasa tersebut.

(3) Sasuatu kehendak di-bawah cheraian (2) hendak-lah di-buat sechara bertulis dan apa jua pernyataan di-dalam-nya tentang ada-nya pemberiankuasa yang bersesuaian di-bawah cheraian (1) hendak-lah di-terima sebagai benar tanpa bukti keterangan selanjut-nya tentang ada-nya itu.

(4) Sesiapa jua yang satelah di-kehendakki dengan sah-nya di-bawah bab ini untok memberitahu sebarang ma'alumat atau untok mengemukakan sebarang akaun, buku, dokumen, peti simpanan selamat atau barang lain kapada Pengarah, Timbalan Pengarah atau sa-saorang pegawai Biro yang di-beri kuasa di-bawah cheraian (1), hendak-lah dengan tidak menghiraukan sharat2 dari sebarang undang2 lain dan sebarang sumpah rahsia yang bertentangan, mematohi kehendak

sademikian, dan siapa saja orang sademikian yang gagal atau mengabaikan, tanpa alasan yang munasabah, untuk berbuat demikian, dan sesiapa pun jua yang menghalang Pengarah, Timbalan Pengarah atau pegawai Biro tersebut dalam melaksanakan pemberiankuasa yang di-berikan di-bawah cheraian (1), ada-lah bersalah dan boleh di-kenakan jika di-dapati thabit kesalahan-nya hukum denda sebanyak dua puluh ribu ringgit dan hukum penjara selama satu tahun.

(5) Sesiapa jua yang menyatakan dengan tidak benar bahawa sesuatu pemberiankuasa yang bersesuaian telah di-berikan di-bawah cheraian (1) ada-lah bersalah dan boleh di-kenakan jika di-dapati thabit kesalahan-nya hukum denda sebanyak dua puluh ribu ringgit dan hukum penjara selama satu tahun.

Penasehat2
undang2 dan
ma'alumat yang
teristimewa.

24. (1) Tiada sebarang apa pun di-dalam Perintah ini boleh mengkehendakki pemberitahuan oleh sa-saorang penasehat undang2 tentang sebarang ma'alumat, perutusan, buku, dokumen atau barang lain yang teristimewa yang sampai ka-pengetahuan-nya bagi maksud sebarang langkah pembicharaan, yang di-mulakan atau di-maksudkan, di-hadapan sa-sabuah mahkamah atau bagi membolehkan-nya untuk memberi nasehat undang2 kepada pelanggan-nya (client).

(2) Di-dalam bab ini "penasehat undang2" berma'ana sa-saorang yang di-terima sebagai sa-orang peguambela di-bawah Undang2 Peguambela2, 1957 (Advocates Enactment, 1957).

(3) Perlindungan yang di-berikan oleh bab ini keatas sa-saorang penasehat undang2 ada-lah di-perluaskan kepada sa-saorang kerani atau pekerja bagi atau yang berkerja dengan sa-saorang penasehat undang2.

BAHAGIAN V BUKTI KETERANGAN

Sangkaan rasuah dalam perkara² tertentu.

25. Jika, dalam mana² perbicharaan terhadap sesuatu kesalahan di-bawah Perintah ini ada-lah di-buktikan bahawa yang di-tudoh telah memberi atau menerima sesuatu suapan, maka suapan itu hendak-lah di-sangka telah di-beri atau di-terima sebagai sesuatu dorongan atau ganjaran sebagaimana yang di-tudoh dalam butir² keterangan kesalahan itu melainkan sebak-nya di-buktikan.

Keterangan mengenai amalan tidak boleh di-terima

26. Di-dalam mana² perbicharaan sivil atau jenayah di-bawah Perintah ini keterangan tidak boleh di-terima untok menunjokkan bahawa apa jua suapan sebagaimana yang di-sebutkan dalam Perintah ini ada-lah amalan yang lazim di-lakukan dalam sebarang jawatan, perniagaan, pencharian atau pekerjaan.

Keterangan mengenai kekayaan kewangan atau harta-benda.

27. (1) Dalam mana² perbicharaan terhadap saorang kerana sesuatu kesalahan di-bawah Bahagian III (selain dari bab 12) hal-nya bahawa yang di-tudoh telah, pada atau lebeh kurang pada tarikh atau pada bila² masa sejak tarikh kesalahan yang di-katakan itu, atau ada memilekki, terhadap mana ia tidak dapat menerangkan dengan memuaskan, kekayaan kewangan atau harta-benda yang tidak sa-timbal dengan sumber pendapatan-nya yang di-ketahui, atau bahawa ia telah, pada atau lebeh kurang pada tarikh atau pada bila² masa sejak tarikh kesalahan yang di-katakan itu, memperolehi sesuatu pertambahan kapada kekayaan kewangan atau harta-benda-nya terhadap mana ia tidak dapat menerangkan dengan memuaskan, boleh di-buktikan dan boleh di-terima oleh mahkamah —

- (a) sebagai menyokong keterangan lisan sebarang saksi yang memberi keterangan dalam pembicharaan sademikian bahawa yang di-tudoh

telah menerima atau memperoleh
atau telah bersetuju untuk
menerima atau telah chuba
memperolehi sebarang suapan; dan

- (b) sebagai menunjukkan bahawa
keuntungan sademikian telah di-ter-
ima atau di-perolehi atau telah di-
persetujui untuk di-terima atau
telah di-chuba untuk di-perolehi
sebagai sesuatu dorongan atau
ganjaran.

(2) Bagi maksud2 cheraian (1) sa-saorang
yang di-tudoh melakukan sesuatu kesalahan di-
bawah Bahagian III (selain dari bab 12) hendak-
lah di-sangka memilekki atau telah memilekki
kekayaan kewangan atau harta-benda, atau telah
memperolehi sesuatu pertambahan kapada-nya,
jika kekayaan atau harta-benda sademikian di-
pegang atau telah di-pegang, atau pertambahan
sademikian telah di-perolehi, oleh siapa saja orang
lain yang, memandangkan kapada hubongan-nya
dengan yang di-tudoh atau apa jua perihal lain,
ada sebab untuk memperchayai sedang atau
telah memegang kekayaan atau harta-benda
sademikian atau telah memperoleh pertambahan
sademikian sebagai amanah bagi atau dengan
jalan lain bagi pihak yang di-tudoh atau sebagai
pemberian daripada yang di-tudoh.

Keterangan
rakan sa-jenayah.

28. Dengan tidak menghiraukan sebarang atoran
undang2 atau undang2 bertulis yang bertentang-
an, tiada sebarang saksi pun boleh, dalam se-
barang pembicharaan atau penyiasatan sebagai-
mana yang di-sebutkan dalam bab 27 di-sangka
sebagai tidak boleh di-perchayai oleh sebab hanya
kerana sebarang pembayaran atau penyerahan
oleh-nya atau bagi pihak-nya apa jua suapan
kapada sa-saorang ejen atau ahli sa-sabuah
badan awam.

Pemeriksaan
pesalah².

29. (1) Bila² saja dua atau lebeh orang di-tudoh melakukan sasualah kesalahan di-bawah Perintah ini atau melakukan apa jua kesalahan yang di-tetapkan maka mahkamah boleh atas permintaan sechara bertulis dari Penda'awa Raya mengkehendakki saorang atau lebeh daripada mereka itu untok memberi keterangan sebagai saorang saksi atau saksi² bagi pehak penda'awa.

(2) Sesiapa jua yang di-sebutkan dalam cheraian (1) yang enggan mengangkat sumpah atau menjawab sebarang soalan yang sah hendaklah di-ambil tindakan dengan chara yang sama saperti saksi² yang enggan berbuat demikian boleh di-sisi undang² di-ambil tindakan oleh Mahkamah.

(3) Tiap² orang yang di-kehendakki memberi keterangan di-bawah cheraian (1), yang pada pendapat mahkamah mendedahkan dengan benar dan sapenoh-nya semua perkara mengenai mana ia ada-lah di-pereksa dengan sah di-sisi undang², ada-lah berhak menerima satu surat akuan lepas tanggungan yang di-tanda-tangani oleh Hakim atau Majistret, yang mana berkenaan, yang menyatakan bahawa ia telah mendedahkan dengan benar dan sapenoh-nya semua perkara mengenai mana ia telah di-pereksa, dan surat akuan sademikian ada-lah menjadi penghalang kapada segala tindakan undang² terhadap-nya berthabit dengan semua perkara yang di-sebutkan tadi.

Perlindungan
bagi pemberi²
rahsia.
(informers).

30. (1) Kechuali sebagaimana yang salepas ini di-persharatkan, tiada sebarang aduan mengenai sasualah kesalahan di-bawah Perintah ini atau sebarang kesalahan yang di-tetapkan boleh di-terima sebagai keterangan di-dalam sebarang pembicharaan sivil atau jenayah apa pun jua, dan tiada sebarang saksi akan bertanggung-jawab atau di-benarkan untok memberitahu nama atau alamat siapa saja pemberi rahsia, atau

menyatakan apa jua perkara yang mungkin menyebabkan kedapatan-nya.

(2) Jika mana2 buku, dokumen atau kertas yang menjadi keterangan atau boleh di-kenakan pemereksaan di-dalam mana2 perbicharaan sivil atau jenayah apa pun jua ada mengandongi sebarang chatetan dalam mana siapa saja pemberi rahsia di-namakan atau di-huraikan atau yang mungkin menyebabkan kedapatan-nya maka mahkamah di-hadapan mana perbicharaan itu diadakan hendak-lah menyebabkan semua petikan-ayat berkenaan supaya di-tutup dari penglihatan atau supaya di-hapuskan setakat yang perlu untok melindongi pemberi rahsia itu dari kedapatan, tetapi setakat itu sahaja.

(3) Jika dalam mana2 perbicharaan berhubong dengan sesuatu kesalahan di-bawah Perintah ini atau sesuatu kesalahan yang di-tetapkan mahkamah, salepas penyiasatan sapenoh-nya keatas kes itu, berpendapat bahawa pemberi rahsia itu telah dengan sengaja membuat di-dalam aduan-nya sesuatu pernyataan yang mustahak yang ia telah mengetahui atau memperchayai sebagai tidak benar atau telah tidak memperchayai-nya benar, atau berpendapat bahawa ke'adilan tidak boleh di-perlakukan sapenoh-nya di-antara pehak2 kapada-nya tanpa kedapatan pemberi rahsia-nya, maka mahkamah boleh mengkehendakki supaya di-kemukakan aduan yang asal, jika bertulis, dan membenarkan penyiasatan dan mengkehendakki pemberitahuan sapenoh-nya mengenai pemberi rahsia itu.

BAHAGIAN VI DA'AWAAN BAGI PEMBICHARAAN BAGI KESALAHAN2

Da'awaan bagi
kesalahan2.

31. (1) Sasuatu da'awaan di-bawah Perintah ini tidak boleh di-mulakan kechuali oleh atau dengan persetujuan Penda'awa Raya:

Dengan syarat bahawa sa-saorang yang di-tudoh melakukan sesuatu kesalahan sademikian boleh di-tangkap, atau sesuatu waran bagi penangkapan-nya boleh di-keluarkan dan di-laksanakan, dan sesiapa pun jua yang di-tangkap demikian boleh di-tahan dalam kurungan atau di-beri jaminan, dengan tidak menghiraukan bahawa persetujuan Penda'awa Raya untuk memulakan sesuatu da'awaan terhadap kesalahan itu belum di-perolehi, tetapi kes itu tidak boleh di-da'awa selanjut-nya sahingga persetujuan itu telah di-perolehi.

(2) Bilamana sa-saorang di-hadapkan ka-sasabua mahkamah di-bawah bab ini sabelum Penda'awa Raya memberi persetujuan terhadap da'awaan tudohan-nya hendak-lah di-terangkan kepada-nya tetapi ia tidak akan di-tanya pengakuan-nya, dan syarat2 undang2 yang berkuatkuasa pada masa itu berhubong dengan tatacara jenayah hendak-lah di-ubahsuai berikut-nya.

(3) Di-dalam bab ini, "Penda'awa Raya" berma'ana Penda'awa Raya sendiri.

Mahkamah
Majistret akan
mempunyai
bidang kuasa
untuk mem-
bicharakan
kesalahan2 di-
bawah Perintah
ini.

32. (1) Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Majistret boleh membicharakan sebarang kesalahan di-bawah Perintah ini.

(2) Dengan tidak menghiraukan syarat2 dari sebarang undang2 bertulis yang bertentangan, sa-sabua Mahkamah Majistret boleh menjatohkan hukuman sa-penoh-nya bagi sebarang kesalahan di-bawah Perintah ini.

BAHAGIAN VII RAMPAIAN

Aduan2 dangkal,
bohong, atau tidak
berasas hendak-lah
di-laporkan

33. Pada tamat-nya pembicharaan terhadap sesuatu kesalahan di-bawah Perintah ini, mahkamah boleh, jika berpendapat bahawa

kapada Penda'awa
Raya.

pengadu-nya atau siapa saja orang lain telah dengan setahu-nya, dan dengan tujuan untuk menyusahkan yang di-tudoh, membuat tudohan bohong, dangkal atau tidak berasas terhadap-nya, mengesahkan demikian sechara bertulis dan menghantarkan surat pengesahan itu serta chatetan mengenai pembicharaan itu kapada Penda'awa Raya.

Kesalahan
membuat laporan
bohong mengenai
hal berlaku-nya
kesalahan, dsb.

34. Sesiapa jua yang, semasa berjalan-nya sesuatu penyiasatan keatas, atau dalam sebarang perbicharaan berhubong dengan, sesuatu kesalahan yang di-katakan atau di-shakki telah dilakukan di-bawah Perintah ini, dengan setahu-nya —

(a) membuat atau menyebabkan supaya dibuat sesuatu laporan bohong mengenai hal berlaku-nya sesuatu kesalahan di-bawah Perintah ini kapada Pengarah, Timbalan Pengarah atau siapa saja pegawai Biro;

(b) mengelirukan Pengarah, Timbalan Pengarah atau siapa saja pegawai Biro;

ada-lah bersalah dan boleh di-kenakan apabila di-thabitkan terus kesalahan-nya hukum denda sebanyak dua puluh ribu ringgit dan hukum penjara selama satu tahun.

Menjadi kesalahan
untuk memberi-
tahu siapa-kah,
dsb. orang2 yang
sedang di-siasat.

35. Sesiapa jua yang, tanpa kebenaran yang sah di-sisi undang2 atau alasan yang munasabah, memberitahu kapada sesiapa pun jua yang sedang di-siasat berkenaan dengan sesuatu kesalahan yang di-katakan atau di-shakki telah dilakukan oleh-nya di-bawah Perintah ini akan hal-nya bahawa ia sedang di-siasat atau apa jua butir2 mengenai penyiasatan sademikian, atau memberitahu kapada siapa saja orang lain sama ada identiti sesiapa jua yang sedang di-siasat atau apa jua butir2 mengenai penyiasatan sademikian, adalah bersalah dan boleh di-kenakan jika di-dapati

thabit kesalahan-nya hukum denda sebanyak dua puluh ribu ringgit dan hukum penjara selama satu tahun.

Thabitan²
kesalahan yang
lain dan meminda
butir² keterangan.

36. (1) Jika, ketika perbicharaan sesiapa pun jua kerana sebarang kesalahan di-bawah Perintah ini tidak di-buktikan bahawa yang di-tudoh itu bersalah melakukan kesalahan yang di-tudoh tetapi di-buktikan bahawa yang di-tudoh itu bersalah melakukan sesuatu kesalahan lain di-bawah Perintah ini, maka yang di-tudoh boleh, meskipun tidak ada persetujuan di-bawah bab 31 berkenaan dengan kesalahan lain itu, di-thabitkan kesalahan-nya bagi kesalahan lain itu, dan boleh di-ambil tindakan berikutan-nya.

(2) Jika ketika perbicharaan sesiapa pun jua kerana sebarang kesalahan di-bawah Perintah ini, ada terdapat sebarang perbedzaan yang mustahak di-antara butir² mengenai kesalahan yang di-tudoh dengan keterangan yang di-kemukakan bagi menyokong-nya, maka perbedzaan sademikian tidak, dengan sendiri-nya, memberi hak kepada yang di-tudoh untok di-bebaskan dari kesalahan yang di-tudoh itu jika, pada pendapat mahkamah, ada terdapat keterangan pada zahir-nya tentang berlaku-nya kesalahan itu, dan dalam hal sademikian maka mahkamah boleh, meskipun tidak ada persetujuan di-bawah bab 31 berkenaan dengan butir² yang di-sokong oleh keterangan yang di-kemukakan itu, membuat pindaan yang saperlu-nya kepada butir² tersebut, dan hendaklah tatkala itu membacha dan menerangkan pindaan itu kepada yang di-tudoh dan pehak² berkenaan hendaklah di-benarkan memanggil balek dan memereksa tentang perkara² yang berkaitan dengan pindaan tersebut siapa saja saksi yang mungkin telah di-pereksa dan, terta'alok kepada syarat² cheraian (3), memanggil sebarang saksi yang lain lagi.

(3) Jika sesuatu pindaan itu di-buat di-bawah cheraian (2) selepas kes pehak penda'awa berakhir maka tiada sebarang saksi yang lain boleh di-panggil oleh pehak penda'awa selain dari yang dan hanya mengenai sesuatu perkara yang boleh, selain dari syarat2 cheraian ini, di-benarkan untuk di-panggil dan di-gunakan sebagai keterangan untuk menyangkal.

(4) Tiada sebarang apa pun di-dalam bab ini boleh menyingkirkan pemakaian sebarang undang2 lain dengan mana sa-saorang mungkin di-dapati bersalah melakukan sesuatu kesalahan selain dari kesalahan yang ia-nya di-tuduh melakukan.

Tanggungjawab
warganegara2
bagi kesalahan2
di-luar
Brunei.

37. Syarat2 dari Perintah ini ada-lah, berhubung dengan warganegara2, mempunyai kuatkuasa di-luar dan juga di-dalam Brunei, dan jika sesuatu kesalahan di-bawah Perintah ini atau sebarang kesalahan yang di-tetapkan, di-lakukan oleh siapa saja warganegara di-mana2 tempat di-luar Brunei maka ia boleh di-ambil tindakan berkenaan dengan kesalahan itu sa-olah2 ia-nya telah di-lakukan di-mana2 tempat di-dalam Brunei di-mana ia mungkin di-dapati atau ka-mana ia mungkin telah di-bawa akibat dari sebarang tindakan bagi penyerahan-nya (extradition) ka-Brunei dari mana2 tempat di-luar Brunei:

Dengan syarat bahawa sebarang tindakan terhadap sesiapa jua di-bawah bab ini yang akan menjadi penghalang kepada tindakan kemudiannya terhadap orang itu bagi kesalahan yang sama jika kesalahan itu telah di-lakukan di-Brunei adalah menjadi penghalang kepada tindakan lanjut terhadap-nya di-bawah undang2 yang berhubung dengan penyerahan orang2 berkenaan dengan kesalahan yang sama di-luar Brunei.

Kesalahan2
menjadi yang
boleh di-tangkap.

38. Tiap2 kesalahan di-bawah Perintah ini dan tiap2 kesalahan yang di-tetapkan ada-lah di-

anggap menjadi kesalahan yang boleh di-tangkap bagi maksud2 undang2 yang pada masa itu berkuatkuasa berhubung dengan peratoran jenayah.

Orang yang utama boleh mendapatkan kembali jumlah pemberian rahsia.

39. (1) Jika sebarang suapan telah dengan melanggar Perintah ini di-berikan oleh sesiapa pun jua kepada sa-saorang ejen, maka orang yang utama boleh mendapatkan kembali sebagai hutang awam (civil debt) jumlah-nya atau nilai wang-nya sama ada daripada ejen itu atau daripada orang yang telah memberikan suapan itu kepada ejen tersebut, dan tiada sebarang thabitan kesalahan atau pembebasan orang yang di-tudoh berkenaan dengan sesuatu kesalahan di-bawah Perintah ini boleh di-jadikan sebagai penghalang kepada tindakan bagi mendapatkan kembali jumlah atau nilai wang tersebut.

(2) Tiada sebarang apa pun di-dalam bab ini boleh di-anggap akan menyentoh atau menjejaskan apa jua hak yang mana siapa saja orang yang utama mungkin mempunyai di-bawah sebarang undang2 bertulis atau atoran undang2 untuk mendapatkan kembali daripada ejen-nya sebarang wang atau harta-benda.

Pemakaian Perintah.

40. Bagi mengelakkan keraguan maka ada-lah dengan ini di-ishtiharkan bahawa jika sa-saorang telah sebelum mula berjalan-nya kuatkuasa Perintah ini melakukan sebarang kesalahan di-bawah Perintah ini maka ia boleh dengan tidak menghiraukan syarat2 dari sebarang undang2 bertulis yang bertentangan di-da'awa kerana kesalahan itu dan mahkamah ada-lah mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan kesalahan sademikian di-bawah Perintah ini.

JADUAL
(Bab 2)
BADAN2 AWAM

1. Sharikat Penerbangan Di-Raja Brunei.
2. Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.
3. Sharikat Pemasaran Shell Brunei Berhad.

Di-perbuat pada hari ini 21 haribulan
Disember 1981, di-Istana Darul Hana Beta, Brunei
Darul Salam.

HASSANAL BOLKIAH
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan.